

# UMS-KAL bina

## dewan kuliah pusat, perpustakaan

BH 21/7/2011 10

Oleh Azri Onn Othman  
bhvarsiti@bharian.com.my

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) akan membina dewan kuliah pusat dan perpustakaan bernilai kira-kira RM24 juta di Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, berkata pembinaan dewan kuliah pusat itu membabitkan kos RM18 juta, manakala perpustakaan sebanyak RM6 juta.

Katanya, dua projek besar dalam Rancangan Malaysia ke-10 itu akan dimulakan November depan dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

"Kita juga akan menaik taraf kemudahan sukan dan kolej kediaman pelajar serta kemudahan lain untuk mem-

beri keselesaan kepada pelajar dan kakitangan UMS Labuan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Pembangunan Tertinggi di UMS-KAL, baru-baru ini.

Terdahulu, beliau merasmikan replika Laman 1Malaysia yang disumbangkan oleh Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan dengan menandatangani plak dan menanam pokok bunga raya.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr Kassim Mansur; Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj dan Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) UMS, Ir Mohd Roslee Mohd Ali Lee.

Prof Kamaruzaman berkata, UMS-KAL yang beroperasi lebih 10 tahun lalu memerlukan pemantauan dan penye-



**PROF Dr Kamaruzaman (lima dari kanan) bersama pegawai UMS Labuan menunjukkan isyarat 1Malaysia selepas merasmikan Laman 1Malaysia di kampus berkenaan.**

lenggaran berkala termasuk projek yang akan dilaksanakan di kampus berkenaan.

"Pihak pengurusan UMS akan memastikan UMS-KAL juga akan dibangunkan sama seperti kampus induk bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif untuk pelajar dan kakitangan," katanya.

Mengenai Laman 1Malaysia, Prof Kamaruzaman berkata ia bukan saja bertujuan membincangkan gagasan 1Malaysia, tetapi turut mendukung aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mahu universiti melahirkan modal insan berkualiti dan mampu memberikan perkhidmatan

terbaik kepada rakyat.

Sehubungan itu, beliau mahu pelajar memiliki jati diri yang sesuai dengan status mereka sebagai individu terpelajar yang akhirnya mampu menyumbang sesuatu yang berharga kepada agama, bangsa dan negara pada masa akan datang.

Selain itu, Dr Kamaruzaman menasihatkan pelajar dan kakitangan supaya sentiasa mengamalkan penjimatan utiliti seperti bekalan elektrik, air dan telefon supaya perbelanjaan besar itu dapat disalurkan kepada pembangunan yang lebih bermanfaat kepada mereka.